



MBAS

MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
(BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

PEGAWAI TADBIR GRED N41(KONTRAK/TETAP)

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan
- (c) i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM2,080.00)
atau;**
- ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM 2,283.43)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah adalah layak dipertimbangkan secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan ;

- (a) (i) mempunyai kelayakan diperenggan 1 (c) ; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Had umur perlantikan ;
- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 tahun atau 56 tahun; atau;
- (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun ; atau

(iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah ;
 - (a) Memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

CARA PERMOHONAN :

1. Pemohon hendaklah menggunakan borang permohonan jawatan Majlis Bandaraya Alor Setar yang dikenakan bayaran RM7.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Sahaja). Borang boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan –Bhg Sumber Manusia Tkt.11 Menara MBAS Jalan Kolam Air 05675 Alor Setar, Kedah. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat :

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
JALAN KOLAM AIR. 05675 ALOR SETAR, KEDAH**

2. Sila nyatakan nama jawatan dan gred di sebelah kiri sampul surat berkenaan semasa memohon dan semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen seperti berikut :

- 2.1 Gambar berukuran passport.
- 2.2 Salinan Kad Pengenalan.

- 2.3 Salinan Sijil Kelahiran.
- 2.4 Salinan sijil-sijil persekolahan.
- 2.5 Salinan Sijil Kelulusan Akademik
- 2.6 Salinan Transkrip keputusan peperiksaan.
- 2.7 Lain-lain dokumen sokongan,

- 3. **BORANG PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP DIISI / TIDAK MEMENUHI SYARAT AKAN DITOLAK (SATU BORANG ADALAH UNTUK 1 JAWATAN SAHAJA)**
- 4. Bagi kelayakan Ijazah / Diploma perlu melampirkan pengiktirafan kelayakan di Jabatan Perkhidmata Awam (JPA) melalui laman web interaktif <http://pengiktirafan.jpa.gov.my> dan dilampirkan bersama borang permohonan.
- 5. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- 6. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak Berjaya.
- 7. Tarikh tutup permohonan : **13 OKTOBER 2016**